

31 MAR 2000

BUKU KEATING CERITAKAN KEMUNGKINAN PERANG PERDAGANGAN DENGAN KL

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 31 Mac (Bernama) -- Bekas perdana menteri Australia Paul Keating hampir mengisytiharkan perang perdagangan dengan Malaysia pada 1993 sebagai membalas ancaman sekatan oleh Kuala Lumpur berikutan komennya bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "keras kepala".

Beliau berkata bahawa berikutan arahannya, Jabatan Hal Ehwal Luar Australia telah menyediakan satu kertas kerja setebal 22 halaman yang menggariskan tindakan balas yang boleh diambil oleh Australia terhadap Malaysia.

Keating menggunakan perkataan "keras kepala" bagi menggambarkan keputusan Dr Mahathir untuk tidak menghadiri mesyuarat perdagangan tidak rasmi forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, pada November 1993.

Bercakap dalam satu siaran radio bagi mempromosi buku baru beliau bertajuk "Engagement: Australia Faces The Asia-Pacific", Keating berkata bekas Menteri Pertahanan Australia Senator Robert Ray telah mengingatkan rakan sejawatannya Datuk Seri Najib Razak bahawa Australia mendapati agak sukar untuk tidak mengambil tindakan terhadap pertahanan dan perdagangan jika Malaysia memilih untuk mengadakan sekatan.

Menurut Keating, lima hari kemudian, kabinet Malaysia memutuskan untuk tidak mengambil tindakan selanjutnya terhadap Australia.

-- BERNAMA
ndc nak mai